

BAB 3

TAJWID AL-QUR'ĀN

Bab 3

TAJWID AL-QUR'ĀN

3.1 DEFINISI TAJWID DAN MEDANNYA

Kata 'al-Tajwid' berasal dari akar kata: jawwada (memperelokkan). Kata namanya ialah: al-jawadat (keelokan) dan kata lawannya pula: al-radat (pencemaran). Tajwid dari segi bahasa bererti memperelokkan sesuatu manakala mengikut istilah pula ia bererti membaca al-Qur'ān dengan bacaan yang sebaik-baiknya (Syeikh Abdullah Basmi, 1963: 96). Allah s.w.t. berfirman dalam surah al-Muzzammil ayat 4:

وَرَتِّلِ الْقُرْآنَ تَرْتِيلًا ﴿٤﴾

Maksudnya:

"Dan bacalah al-Qur'ān dengan tartil".

Sayidina Ali k.w. telah memberi pengertian sama di antara perkataan 'Tajwid' dan 'Tartil' iaitu mengelokkan bacaan atau sebutan huruf-huruf serta penyesuaian waqaf dan Ibtidā' pada tempatnya. Bertajwid (al-tajwid) dalam bacaan al-Qur'ān bermakna memberikan haq kepada setiap huruf berdasarkan keasliannya

(sebutan /ujaran) yang ditetapkan. (*Al-Munjid*, Dar al- Musyriq, Beirut, Lebanon, 1976: 109).


Para qurā' mengistilahkan tajwid sebagai memperelokkan sebutan bacaan (al-Qur'ān) dan mengelakkan dari sebarang pencemaran sebutan/bacaan (Husni Syeikh 'Uthmān, 1988 : 26).

Kenyataan di atas menyaksikan betapa tingginya kedudukan Tajwid dan betapa penting fungsinya ke arah mencapai matlamat dan objektif al-Qur'ān diturunkan. Dari aspek yang lain tidak dapat dinafikan bahawa sebahagian organ-organ semulajadi ciptaan Allah bertindak sebagai alat-alat artikulasi pertuturan yang bukan sahaja memungkinkan manusia sebagai makhluk sosial berinteraksi sesama mereka, tetapi juga untuk menyempurna dan merealisasikan perintahNya sebagaimana tersurat. Oleh itu bacaan al-Qur'ān hendaklah dibaca sebagaimana ia diturunkan. Ketepatan bacaan serta sebutan/bunyi memberi kesan kepada ketepatan makna dan mesej. Maka alat-alat artikulasi pertuturan inilah yang melaksanakan tanggung-jawab secara total.

Medan pengajian Tajwid merangkumi makhraj, sifat-sifat huruf, huruf kuat dan lemah, qalqalat, tebal tipis huruf, hukum Alif Lam, Mim dan Nun bertasydid, Nun sakin dan tanwīn, hukum Mim mati, Mad dan hukum-hukumnya, Isymām dan Raum, Imālāt dan tashīl, Waqaf dan Ibtidā' dan sebagainya.

3.2 ALAT-ALAT ARTIKULASI PERTUTURAN

Alat-alat artikulasi pertuturan untuk mengeluarkan sesuatu bunyi/pertuturan (Rajah1) dibahagikan kepada tujuh bahagian, iaitu: bibir, gigi, langit-langit, lidah, rongga tekak, rongga hidung, dan bahagian trakea/halkum.




Rajah 1: Struktur anatomi utama yang terlibat dalam penghasilan pertuturan

1. Dua bibir atas dan bawah

- a) bibir bawah bersama gigi atas bahagian hadapan dirapatkan.
- b) bertemu dua bibir atas dan bawah
- c) bibir bawah dan atas dirapatkan

d) kedua-dua bibir terbuka sedikit. (Rajah 2)



Rajah 2 : Keratan lintang saluran suara manusia

2 Bahagian gigi

Bahagian gigi boleh dibahagikan kepada:

- a) Gigi kacip atas iaitu gigi hadapan mengandungi empat batang.
- b) Gigi kacip bawah, juga mengandungi empat batang, kedudukannya bertentangan dengan yang di atas.
- c) Gigi taring iaitu gigi yang mengiringi gigi kacip, sebatang di kiri dan sebatang di kanan.
- d) Gigi geraham iaitu yang mengiringi gigi taring.

3. Bahagian langit-langit


Bahagian langit-langit boleh dipecahkan kepada:

- a) Gusi (lengkung kaki gigi)
- b) Langit-langit keras: bahagian atas daripada gusi
- c) Langit-langit lembut: sebelah dalam daripada langit-langit keras
- d) Anak lidah (anak tekak) (lihat rajah 2).

4. **Bahagian lidah**

Lidah dibahagikan kepada empat bahagian yang utama iaitu:

- a) Tepi hujung lidah.
- b) Hujung lidah.
- c) Daun lidah (tengah lidah).
- d) Pangkal lidah (akar lidah). (lihat rajah 3)



Rajah 3 Mulut - Menunjukkan kedudukan gigi dan lidah

5 **Rongga tekak**

Bahagian rongga tekak terbahagi kepada:

- a) Hujung rongga tekak.
- b) Tengah rongga tekak.
- c) Pangkal rongga tekak.
- d) Dinding rongga tekak. (lihat rajah 2)

6. **Rongga hidung.**


Daripada makhraj ini keluar dengung (غنة) Nun dan Mim yang bertasydīd

atau yang mati ketika diidghāamkan atau diikhfa'kan.

7 **Bahagian trakea**

Bahagian trakea: terbahagi kepada:

- a) Pangkal trakea, di mana letaknya pita suara (Rajah 4)
- b) Batang trakea, inilah pembawa udara daripada paru-paru keluar untuk membentuk bunyi-bunyi suara. (lihat rajah 2)



Rajah 4 : Pita suara. Getaran mekanis pita ini semasa pertuturan disebut
penyuaraan (atau pembunyian)

3.3 MAKHRAJ HURUF/BUNYI

Bunyi bahasa berlaku bukan sahaja menerusi kawalan beberapa otot yang menggerakkan bibir, rahang dan lidah serta semua struktur anatomi, tetapi memerlukan 100 otot yang mengenakan kawalan langsung dan berterusan semasa pengwujudan gelombang bunyi yang menghasilkan pertuturan. Gelombang bunyi ini dihasilkan melalui interaksi yang kompleks:

- a) Aliran keluar udara dari paru-paru
- b) Modifikasi aliran udara di larinks (halkum atau peti suara dalam kerongkong)
- c) Modifikasi tambahan aliran suara melalui kedudukan dan pergerakan lidah dan struktur anatomi saluran suara yang lain (Lenneberg 1967).

Dari keterangan di atas, didapati bahawa terbentuknya bunyi suara atau bunyi bahasa itu bermula dari hembusan udara dari paru-paru kemudian pengalirannya melalui dan mengenai larinks terus bergerak ke rongga mulut kemudian ke mulut dan masuk ke dalam udara lalu terkeluarlah bunyi-bunyi tertentu (Adrian Akmajian 1995).

Secara tabi'iy semua bahasa di dunia ini mempunyai bunyi-bunyi dan keistimewaannya yang tersendiri. Al-Qur'an telah mencatatkan 29 bunyi teras yang menjadi asas kepada bunyi-bunyi Bahasa Arab iaitu:

ا، ب، ت، ث، ج، ح، خ، د، ذ، ر، ز، س، ش،

ص، ض، ط، ظ، ع، غ، ف، ق، ك، ل، م، ن، و، ه، ء، ي .

Ditambah huruf-huruf mad iaitu: Alif mati didahului baris atas, Ya' mati didahului baris bawah dan Wau mati didahului baris hadapan berjumlah semuanya 32 bunyi.

Alat-alat artikulasi percakapan ada yang boleh bergerak seperti bibir, lidah dan sebagainya sedangkan sebahagian lagi tidak boleh bergerak seperti langit keras, rongga hidung; selaras dengan perbezaan fungsi masing-masing. Namun demikian tiap-tiap unit darinya merupakan komponen terpenting untuk menyempurnakan pengwujudan bunyi.

Bunyi-bunyi yang dikeluarkan oleh alat-alat artikulasi suara (makhrāj) ada yang bercirikan muhaqqah, dimana makhrāj-makhrājnya dapat dirasa atau disentuh dengan jelas seperti bunyi-bunyi yang dikeluarkan oleh dua bibir mulut, lidah, gusi, gigi dan tekak (halkum). Manakala yang lain bercirikan muqaddar dimana makhrāj-makhrājnya tidak dapat dikesan dengan jelas seperti bunyi-bunyi pada saluran angin dan rongga tekak iaitu huruf-huruf mad dan mad Līn apabila dimadkan.

Para ulama' Qirāat telah menampilkan istilah "makhrāj" bagi menentukan dari alat artikulasi manakah mula tercetusnya bunyi/suara bagi setiap huruf Hijā'īyyat. Pemakaian istilah ini memadai sekiranya penulis menganggapnya sebagai dasar-dasar bunyi/suara kerana di sinilah tempat (makhrāj) bermulanya proses pengwujudan bunyi/suara berlaku.

3.3.1 Peranan Makhrāj

Makhrāj memainkan peranan penting dalam mencorakkan sebutan seseorang sama ada bacaan merupakan bunyi-bunyi suara manusia atau bunyi-bunyi haiwan yang tak bererti. Makhrāj juga menentukan sama ada bacaan seseorang itu fasih dan lancar untuk menggambarkan erti kata dan maksud; ataupun bacaan merupakan bunyi-bunyi kabur, jauh daripada sebutan yang murni.

Seseorang pembaca itu dapat menyempurnakan sebutan pada makhrāj yang betul dengan cara (Abdullah al-Qari bin Haji Saleh, 1972 :46 & 47) :

- a) Mengetahui teori makhraj-makhraj huruf. Tegasnya, mengetahui cara-cara mengesan tempat-tempat huruf (makhraj) yang berkenaan.
- b) Hendaklah melatih melembutkan lidah atau menyebut bunyi atau huruf-huruf dengan betul.
- c) Mencuba sedaya upaya untuk mengenali makhraj huruf serta pastikan penggunaan alat artikulasi dengan merasakan sendiri atau dengan melihat melalui cermin.
- d) Hendaklah melatih mendengar dan menajamkan pendengaran terhadap setiap makhraj huruf tersebut.

3.3.2 Cara Mengesan Makhraj

Makhraj boleh dikesan dengan mematikan huruf berkenaan dengan didahului oleh hamzah waşal. Tempat penghabisan bunyi/suara itulah merupakan asas makhraj ucapan (makhraj) bagi huruf berkenaan.

Contoh:

Hamzah waşal	Huruf	Dibacakan	Penghabisan suara (makhraj)
Alif (ا)	Ba' (ب)	ab	di bibir mulut
Alif (ا)	'Ain (ع)	'a	di tengah halkum
Alif (ا)	Dal (د)	ad	di hujung lidah


3.3.3 Makhraj Huruf-huruf Bahasa Arab

'Ulāma' Qirāat telah mengklasifikasikan makhraj huruf kepada lima bahagian iaitu (Husni Sheikh 'Uthmān, 1988 :202 & 203):

1 Bahagian mulut dan rongga tekak.


Bunyi atau huruf-huruf yang keluar daripada mulut dan rongga tekak ialah huruf-huruf mad, iaitu:

- a) Alif (ا) sukun (mati) sebelumnya terdapat huruf yang berbaris di atas (Rajah 5).




Rajah 5 : Kedudukan lidah ketika menyebut huruf Alif mad (ا)

- b) Ya' (ي) sukun sebelumnya terdapat huruf yang berbaris di bawah .(Rajah 6)



Rajah 6 : Kedudukan lidah ketika menyebut huruf Ya' mad (ي)

- c) Wau (و) sukun yang didahului huruf yang berbaris di hadapan (Rajah 7).




Rajah 7 : Kedudukan lidah sewaktu menyebut wau mad (و)

2. Bahagian rongga tekak (halkum).

Terbahagi kepada tiga iaitu:

- a) Pangkal rongga tekak, hurufnya Hamzah (ء) dan Ha' (ه) (Rajah 8).




Rajah 8: Kedudukan lidah ketika menyebut huruf Hamzah (ء)

- b) Tengah rongga tekak, hurufnya: 'Ain (ع) dan Ha' (ح)

Huruf-huruf ini tercetus apabila ketika disempitkan rongga tekak dan menarik pangkal lidah ke bawah. Antara bunyi-bunyi di atas, bunyi 'Ain (ع) lebih ke dalam.

- c) Hujung rongga tekak (pintu halkum) iaitu bahagian yang mengiringi mulut, hurufnya Qaf, Ghain, dan Kha' (Rajah 9).




Rajah 9 : Kedudukan lidah sewaktu menyebut huruf Qaf (ق)

3 . Bahagian lidah.

Bahagian ini terbahagi kepada 10 dasar iaitu:

- a) Pangkal lidah: iaitu apabila pangkal lidah diangkat ke langit-langit lembut, keluarlah bunyi huruf Qaf (ق).
- b) Pangkal daun lidah: terkehadapan sedikit daripada makhraj Qaf, hurufnya Kaf (ك). Caranya ialah apabila tengah lidah diangkatkan, maka bahagian tersebut akan terkena langit-langit lembut (Rajah 10).




Rajah 10 : Kedudukan lidah sewaktu menyebut huruf Kaf (ك)


c) Daun lidah: iaitu apabila daun lidah diangkat ke langit-langit keras. Hurufnya

ialah Jim (ج) (Rajah 11), Syin (ش) (Rajah 12) dan Ya' berharis hidup (ي)


(Rajah 13) . Kedua-dua bunyi yang akhir ini tidak menutup rapat jalan udara keluar.



Rajah 11 : Kedudukan lidah sewaktu menyebut huruf Jim (ج)




Rajah 12 : Kedudukan lidah ketika menyebut huruf Syin (ش)




Rajah 13 : Kedudukan lidah ketika menyebut huruf Ya'berbaris hidup (ي)

- d) Tepi daun lidah: iaitu apabila tepi daun lidah diangkat ke geraham atas. Hurufnya ialah Dad (ض) (Rajah 14).



Rajah 14 : Kedudukan lidah sewaktu menyebut huruf Dad (ض)


e) Hujung lidah: iaitu apabila hujung lidah diangkat ke langit-langit keras, mendekati gusi atas. Hurufnya ialah Lam (ل) (Rajah 15).



Rajah 15 : Kedudukan lidah ketika menyebut huruf Lam (ل)


f) Hujung lidah: iaitu apabila hujung lidah diangkat ke gusi dan langit-langit lembut diturunkan terkehadapan sedikit daripada makhraj lam (ل). Hurufnya ialah Nun (ن)

Rajah 16).



Rajah 16 : Kedudukan lidah ketika menyebut Nun (ن)

- g) Tepi hujung lidah: iaitu apabila tepi hujung lidah diangkat ke gusi gigi kacip atas, melencong ke belakang hujung lidah. hurufnya ialah Ra' (ر) (Rajah 17).



Rajah 17 : Kedudukan lidah dalam keadaan terangkat ketika menyebut huruf


Ra' (ر)

- h) Hujung lidah: iaitu apabila hujung lidah diangkat ke tengah-tengah gusi gigi kacip atas. Hurufnya ialah Ta' (ط) (Rajah 18), Dal (د) (Rajah 19) dan Ta' (ت).


(Rajah 20). Bunyi Ta' (ط) lebih ke dalam daripada bunyi Dal (د) Sedangkan

huruf Dal (ﺩ) lebih ke dalam daripada Ta' (ﺕ) .Bermakna huruf Ta' (ﺕ)


lebih ke hujung lidah.



Rajah 18 :Keadaan lidah sewaktu menyebut huruf Ta' (ط)




Rajah 19 :Kedudukan lidah ketika menyebut huruf Dal (ﺩ)




Rajah 20 : Keadaan lidah ketika menyebut huruf Ta' (ت)


- i) Hujung lidah : iaitu hujung lidah diangkat ke langit-langit keras tanpa mengenai gusi. Hurufnya ialah Şad (ص), (Rajah 21) , Sin (س), (Rajah 22) Zai (ز) (Rajah 23). Keadaan bunyi Şad (ص) lebih ke dalam daripada bunyi Sin (س), dan Sin (س) pula lebih ke dalam daripada Zai (ز) . Jadi huruf Zai (ز) lebih ke hujung lidah.



Rajah 21 : Kedudukan lidah ketika menyebut huruf Sad (ص)




Rajah 22 : Kedudukan lidah ketika menyebut huruf Sin (س)




Rajah 23 : Kedudukan lidah ketika menyebut huruf Zai (ز)


- j) Tepi hujung lidah: ketika tepi hujung lidah diangkat ke hujung gigi kacip atas dan kedudukan lidah terletak antara dua gigi kacip atas dan bawah. Hurufnya ialah Za' (ظ) (Rajah 24). Tha' (ث) (Rajah 25) dan Dhal (ذ) (Rajah 26). Bunyi Za' (ظ) adalah lebih ke dalam berbanding bunyi Tha' (ث), dan Tha' (ث) pula lebih ke dalam daripada Dhal (ذ). Dhal (ذ) lebih ke tepi hujung lidah.



Rajah 24 : Kedudukan lidah ketika menyebut huruf Za' (ظ)



Rajah 25 : Kedudukan lidah ketika menyebut huruf Tha' (ث)




Rajah 26 : Kedudukan lidah sewaktu menyebut huruf Dhal (ذ)

4 Bahagian bibir mulut

Dibahagikan kepada dua asas iaitu:


- a) Sebelah dalam bibir bawah: Apabila bibir bawah diangkat mengenai hujung gigi kacip atas. Hurufnya, Fa' (ف)³ (Rajah 27)



Rajah 27 : Kedudukan kedua-dua bibir mulut ketika menyebut huruf Fa' (ف)

- b) Antara dua bibir mulut:


- i) Apabila kedua bibir mulut dibulatkan (bibir terbuka): Hurufnya ialah Waw berharis (و)




Rajah 28 : Kedudukan kedua-dua bibir mulut ketika menyebut huruf Wau (و)

1. Perlu diketahui bahawa bunyi Fa' sebagaimana yang banyak digunakan dalam perkataan-perkataan Bahasa Melayu adalah tidak digunakan dalam bunyi-bunyi Bahasa Arab. Bunyi Fa' disebut dengan bunyi Pa (P) dalam Bahasa Melayu iaitu dengan merapatkan kedua bibir mulut seperti pada perkataan pokok, pulut, pagar dan sebagainya.

ii) Setelah kedua bibir mulut ditutup: Hurufnya ialah Ba' (ب) (Rajah 29) dan Mim(م) (Rajah 30). Bunyi Ba' (ب) disebut secara paling ringan, sekadar bersentuhan bibir sahaja.⁴ tidak seperti bunyi Ba' (b) dalam Bahasa Melayu: seperti perkataan: banyak, buluh, buku, baju dan sebagainya disebut dengan berat kerana kedua-dua bibir perlu dirapatkan.



Rajah 29 : Kedudukan dua bibir mulut ketika menyebut huruf Ba' (ب)



Rajah 30 : Kedudukan dua bibir ketika menyebut huruf Mim (م)

5. Bahagian hidung.

⁴2 Tidak seperti bunyi Ba (B) pada perkataan dalam Bahasa Melayu misalnya banyak, buluh, buku, baju dan sebagainya yang disebut agak berat.


Secara tepatnya bunyi sengau (غنة) ini berlaku di pangkal hidung. Kadar panjang sengauan ini ialah dua harakat. Bunyi yang dikeluarkan daripadanya (pangkal hidung) kerana:

a) Nun (ن) mati dan tanwīn ketika idghām nāqis seperti

أَنزَلْنَا , حَنَاتٌ تَجْرِي dan ikhfa' لِقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ (Rajah 31).

) Mim (م) dan Nun (ن) bertasydid seperti ammā (أُمَّا) dan annā (أَنَّا).

Bunyi ini berlaku apabila langit-langit lembut dibuka (diturunkan) memberi laluan udara masuk ke hidung. Sebaliknya apabila langit-langit lembut dinaikkan untuk menutup laluan udara ke rongga hidung, maka bunyi itu tidaklah sengau (tidak berdengung).



Rajah 31 : Kedudukan lidah semasa menyebut nun mati dan tanwīn

ketika idghām dan ikhfa' bunyi sengauan berlaku. (غنة)

3.3.4 Persekitaran / Lingkungan Huruf

Setiap alat artikulasi suara mempunyai kapasiti tersendiri dan berbeza di antara satu sama lain dalam menghasilkan suara/bunyi. Walau bagaimanapun alat-alat itu perlu bekerjasama dengan anggota sekitarnya. Malahan dalam banyak keadaan persekitarannyalah yang menentukan sifat-sifat bunyi/suara tersebut. Dalam hal ini sekali lagi 'ulāma' Qirā'at telah membahagi-bahagikan kawasan/lingkungan makhraj kepada daerah-daerah tertentu seperti berikut:

i) Jaufiyat (جوفية) iaitu lingkungan rongga/kerongkong:

Hurufnya tiga iaitu huruf-huruf mad yang tiga (ا, و, ي) kerana huruf-huruf

ini keluarnya daripada rongga tenggorok membawa ke mulut.

ii) Hawā'iyat (هوائية) iaitu lingkungan udara:

Hurufnya ialah huruf-huruf mad yang tiga juga, kerana ketiga-tiganya berakhir dengan hembusan udara dari paru-paru melalui trakea kemudian ke mulut.

iii) Halqiyyat (حلقية) iaitu lingkungan rongga tekak:

Hurufnya ialah halkum yang enam (ا, غ, ح, خ, ع, هـ) kerana huruf-huruf

keluar daripada rongga tekak (halkum).

iv) Lahwiyyat (لهوية), iaitu lingkungan anak lidah:

Hurufnya ialah huruf Qaf (ق) dan Kaf (ك) kerana keluarnya daripada belakang lidah semasa ia diangkat ke anak lidah (anak tekak).

v) Syajariyyat (شجرية):

Hurufnya ialah huruf Jim (ج), Syin (ش) dan Ya' berharis (ي) kerana ketiga-tiganya keluar daripada daun lidah yang diangkat ke langit-langit keras termasuk juga huruf Dad (ض), cuma ia diangkat ke geraham atas.

vi) Niṭ ṭyyat (نطمية) iaitu lingkungan langit-langit keras:

Hurufnya ialah huruf Ṭa', Dal dan Ta' (ط, د, ت) kerana huruf-huruf ini keluarnya daripada langit-langit keras (bahagian gusi gigi kacip) dan hujung lidah.

vii) Lithawiyyat (لثوية), iaitu lingkungan gusi:

Hurufnya ialah huruf Za', Dal dan Ṭa' (ظ, د, ط) kerana ketiga-tiganya keluar daripada hujung lidah dan di kawasan hujung-hujung gigi kacip atas membetuli gusi.

viii) Asaliyyat (أَسَلِيَّة), ialah lingkungan hujung lidah:

Iaitu huruf Şad , Zai dan Sin (ص , ز , س) kerana huruf-huruf ini keluaranya daripada hujung lidah yang terletak antara gigi kacip bawah dan gigi kacip atas, dimana mulut lebih dilebarkan daripada huruf-huruf lingkungan gusi.

ix) Dhalqiyyat (ذَلْقِيَّة), iaitu lingkungan tepi hujung lidah:

Hurufnya ialah huruf Lam, Nun dan Ra' (ر , ن , ل) kerana keluaranya daripada tepi hujung lidah. Oleh sebab itu huruf-huruf ini dapat disebut dengan lancar sekali.

x) Syafawiyyat (شَفَوِيَّة), iaitu lingkungan dua bibir mulut:

Hurufnya ialah huruf-huruf Fa', Waw berbaris, Ba' dan Mim

(ف , و , ب , م) kerana huruf-huruf ini keluaranya daripada bibir mulut.

3.4. Sifat-sifat huruf

Para 'ulāma' qirā'at bukan sahaja telah menganalisis tentang makhraj huruf tetapi mereka juga telah memperincikan sifat-sifat setiap huruf Arab (al-Qur'ān) apabila disebut. Sifat-sifat inilah yang menentukan sama ada sesuatu huruf /bunyi itu boleh disenyawakan(diidghāmkan) ataupun tidak dengan huruf yang berhampiran

selepasnya. Keadaan inilah yang membolehkan sesuatu sebutan, bacaan dan bunyi menjadi fasih seperti yang dikehendaki di dalam pembacaan al-Qur'ān.

Sifat-sifat huruf dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu sifat dhātiyyat dan 'arīdat.

3.4.1. Sifat asli/dhātiyyat (ذاتية):

Iaitu sifat-sifat yang ada pada setiap huruf secara bersendirian .

Sifat-sifat huruf berlandaskan sifat-sifat dasarnya/dhātiyyat mempunyai 17 sifat. Sifat-sifat ini dapatlah dirumuskan kepada dua bahagian iaitu: sifat-sifat berlawanan dan sifat-sifat tunggal (tanpa lawan).

3.4.1.1 Sifat-sifat Berlawanan Dan Tunggal

(a) Sifat-sifat Berlawanan

Sifat-sifat ini dibahagikan kepada lima kumpulan di mana masing-masing mempunyai dua sifat yang berlawanan. Kumpulan-kumpulan ini ialah:

(1) Jahr dan hams (جهر-همس).

i Jahr: Kuat bunyi huruf-hurufnya kerana berlaku sekatan pernafasan semasa mula-mula menyebut hurufnya kerana kuat pemegangan huruf itu pada makhraj.

Huruf-hurufnya terdiri daripada 19 huruf iaitu: Za', Lam, Qaf, Wau, Ra', Ba', Dad, Hamzah, Dhal, Ghain, Zai, Alif, Jim, Nun, Dal, Mim, Ta', Ya' dan 'Ain

(ظ, ل, ق, و, ر, ب, ض, ء, ذ, غ, ز, ا, ج, ن, د, م, ط, ي, ع)

ii) *Hams*: Larian pernafasan mendesus ketika menyebut hurufnya (suara mendesus). Bunyi hurufnya lemah iaitu semasa menyebut huruf-hurufnya nafas berlari menyebabkan lemahnya penempatan huruf-huruf itu pada makhraj. Huruf-hurufnya ialah huruf-huruf yang selain daripada huruf jahr, iaitu: Fa', Ha', Tha', Ha', Syin, Kha', Sad, Sin, Kaf dan Ta' (ف, ه, ث, ح, ش, خ, ص, س, ك, ت).

Ketika menyebutkan kebanyakan huruf-huruf ini, saluran udara disempitkan. Apabila huruf-huruf itu dimatikan, maka hendaklah dinyatakan hamasnya dengan sedikit bunyi.

(2) Syiddat dan Rakhawat (شدة & رخاوة)

i) *Syiddat* (suara mengemas keras): Tertahan suara ketika menyebut huruf-hurufnya disebabkan perpegangan huruf itu pada makhrajnya. Hurufnya ialah: Alif, Jim, Dal, Qaf, Ta', Ba', Kaf, dan Ta' (ا, ج, د, ق, ط, ب, ك, ت)

ii) **Rakhāwat** (suara melonggar lembut): Suara terlepas (berlari) apabila menyebut huruf-hurufnya, dan hurufnya hampir terbawa sama disebabkan longgarnya perpegangan huruf itu pada makhrajnya. Hurufnya ada 16 iaitu: Kha', Dhal, Ghain, Tha', Ha', Za', Fa', Dad, Syin, Wau, Sad, Zai, Ya', Sin, Alif, Ha'

(خ, ذ, غ, ث, ح, ظ, ف, ض, ش, و, ص, ز, ي, س, ا, ه).

Perbezaan bunyi di antara jahr dengan syiddat ialah jahr tertahan nafas ketika menyebut hurufnya manakala syiddat tertahan suara ketika mengucapkan huruf-hurufnya.

(3) Isti'lā' & Istifāl (إستعلاء & إستفال)

i) **Isti'lā'** : Lidah meninggi, terangkat ke langit-langit semasa melafazkan huruf-hurufnya. Hurufnya ada tujuh iaitu: Kha', Sad, Dad, Ghain, Ta', Qaf, Za'

(خ, ص, ض, غ, ط, ق, ظ). Huruf-huruf isti'lā' ditebalkan sebutannya.

ii). **Istifāl (merendah)**: Lidah tidak terangkat ke langit-langit, malah ia merendahkan ke tengah mulut apabila menyebut huruf-hurufnya. Huruf-hurufnya ialah: Tha', Ba', Ta', 'Ain, Zai, Mim, Nun, Ya', Jim, Wau, Dal, Ha', Ra', Fa', Ha', Alif, Dhal, Sin, Lam, Syin, Kaf

(ث, ب, ت, ع, ز, م, ن, ي, ج, و, د, ه, ر, ف, ح, ا, ذ, س, ل, ش, ك)

Huruf-huruf istifāl hendaklah dinipiskan kecuali huruf Lam, Ra' dan Alif yang mempunyai hukum-hukum tersendiri sebagaimana yang akan dipaparkan kemudian.

(4) Iṭbāq & Infitāḥ (إطباق & إنفتاح)

i) *Iṭbāq*: Lidah terangkat dan menyentuh langit-langit keras ketika menyebut huruf-hurufnya. Huruf-hurufnya ialah Ṣad, Ḍad, Ṭa' dan Ḍa' (ص, ض, ط, ظ)

ii) *Infitāḥ*: Udara berlari di tengah lidah dan tidak mendempik dengan langit-langit keras ketika menyebut huruf-huruf ini. Huruf-hurufnya ada 25 iaitu: Mim, Nun, Hamzah, Kha', Dhal', Wau, Jim, Dal, Sin, 'Ain, Ta', Fa', Zai, Kaf, Alif, Ha', Qaf, Lam, Ha', Syin, Ra', Ba', Ghain, Ya', Tha'

(م, ن, ء, خ, ذ, و, ج, د, س, ع, ت, ف, ز, ك, ا, ه, ق, ل, ح, ش, ر,

ب, غ, ي, ث)

Sifat-sifat infitāḥ ini lebih menyeluruh daripada istifāl kerana setiap istifāl itu bersifat infitāḥ, tetapi tidak setiap infitāḥ itu istifāl. Huruf-huruf Qaf, Kha' dan Ghain umpamanya adalah bersifat infitāḥ tetapi ketiga-tiganya tidaklah bersifat istifāl.

5) Izlāq dan Iṣmāt (إزلاق & إصمات)

i) **Izlāq:** Iaitu kecepatan melepas bunyi yang ringan ketika menyebut huruf-hurufnya. Sebahagian bunyi keluar daripada hujung lidah dan sebahagian lagi keluar daripada dua bibir mulut sehingga dapat disebut dengan cepat dan ringan. Huruf-hurufnya ada 6 iaitu: Fa', Ra', Lam, Mim, Nun, Ba' (ف, ر, ل, م, ن, ب)

ii) **Iṣmāt:** Iaitu ketegasan bunyi suara ketika menyebut huruf-hurufnya tetapi tidak boleh disebut dengan cepat. Huruf-hurufnya ada 23 iaitu: Jim, Zai, Ghain, Syin, Sin, Alif, Kha', Ṭa', Ṣad, Dal, Tha', Qaf, Ta', Hamzah, Dhal, Wau, 'Ain, Ḥa', Ha', Ya', Ḥa', Dad, Kaf

(ج, ز, غ, ع, ظ, ه, ش, س, ا, خ, ط, ص, د, ث, ق,

ت, ء, ذ, و, ي, ح, ض, ك)

(b) Sifat-sifat tunggal

Sifat-sifat tunggal tanpa lawan berjumlah 7 sifat iaitu:

i) **Sifat Ṣāfir (صفير):** iaitu siulan lebih daripada biasa. Bunyi huruf-hurufnya

seakan-akan bunyi suara unggas. Hurufnya ialah ص, زوس Sebutan/bunyi 'asy'

kedengaran seperti suara angsa dan 'az' seperti suara lebah.

Sifat Qalqalat (mendetak): Qalqalat ialah sebutan berganjak atau bunyi detakan jika menyebut huruf-hurufnya yang berbaris mati (sukun), sama ada sukun asli tengah kalimah seperti ضَبْحًا وَالْعَادِيَّاتِ atau pun pada akhir kalimah kerana

waqafkan seperti

تَبَّتْ يَدَا أَبِي هَبٍ وَتَبَّ

Huruf qalqalat ialah huruf-huruf ق, ط, ب, ج, د.

Qalqalat terbahagi kepada:

a) Qalqalat *ṣuḡhrā* (kecil)

Iaitu apabila huruf-huruf qalqalah berbaris sukun (mati) di tengah-tengah kalimah maka hendaklah dibaca dengan qalqalat yang sederhana, dengan tidak begitu kuat pantulan suaranya seperti

فَالْمَغِيرَاتِ صُبْحًا.

b) Qalqalat *kubrā* (besar)

Ia berlaku kepada huruf qalqalat yang terletak di akhir kalimah berbaris mati atau disakinkan kerana waqaf (berhenti). Hukumnya ialah wajib menyatakan bunyi detakan qalqalat dalam bentuk yang nyata dan jelas terutama ketika diwakafkan dan huruf akhirnya dalam

keadaan bertasydid (bersabdu) seperti فَعَالٌ لَّمَّا يُرِيدُ.

Al-Sheikh Ahmad Hijaz sependapat dengan para Qura lain bahawa wajib melebih-lebihkan sifat qalqalat_۱ sehingga didengar oleh orang lain, tetapi mereka berbeza pendapat dari segi detakan bunyi/suara, sama ada disejajarkan dengan baris sebelumnya atau tidak. Beliau bersetuju bahawa detakan itu wajib disesuaikan dengan baris sebelumnya sama ada berbaris bawah, atas atau hadapan.

Penulis berpendapat bahawa setiap pembaca al-Qur'ān perlu mengambil perhatian yang lebih tentang qalqalat_۱ supaya tidak berlaku penambahan baris atau pun meletakkan sifat ini (qalqalat_۱) pada bukan hurufnya (qalqalah). Sepanjang pengamatan penulis, terdapat kecenderungan dari kalangan pembaca al-Qur'ān yang mengqalqalat_۱kan bukan pada tempatnya. Di antara huruf-huruf bukan qalqalat_۱ tetapi diqalqalat_۱kan ialah:

غ seperti dalam مَا أَغْنَىٰ

ض seperti dalam فَضَّلْ

ذ seperti dalam تَذَبُّحُوا

ز seperti dalam رَزَقًا

ظ seperti dalam لَا يَظْلِمُ

berkenaan dengan cara qalqalat, ia terserah kepada kegemaran masing-masing isalkan aliran yang mereka pilih adalah mu'tabar.

Sifat *līn* (lembut): Disebut dengan bunyi yang lembut dan tidak menyusahkan. Hurufnya ada 2 iaitu و dan ي mati yang didahului oleh huruf berharis di atas seperti pada perkataan ^سيَوْمَ dan ^سخَيْر.

Sifat *Inḥirāf* (إنحراف): Melencong pada makhraj yang lain iaitu huruf-huruf yang keluar daripada makhrajnya. Hurufnya dua iaitu ر, ل. Huruf ر melencong ke belakang hujung lidah manakala huruf ل pula melencong ke hujung lidah.

Sifat *Takrīr* (تكرير): Ulangan pergerakan hujung lidah ketika menyebut hurufnya. Hurufnya satu sahaja iaitu huruf ر. Sebutan huruf ini yang bertasydid tidak dibunyikan secara berulang-ulang.

vi) *Sifat Tafasysyi* (نفشي): Hemburan tekanan udara yang kuat di tengah-

tengah lidah ketika menyebut hurufnya. Hurufnya ialah ش.

vii) *Sifat Istiṭālat* (استطالة): Pemanjangan tekanan makhraj ketika menyebut

hurufnya. Hurufnya ialah ج. Perbezaan antara Istiṭālat dengan mad ialah istiṭālat ialah

pemanjangan sebutan huruf pada makhrajnya (makhraj yang dipanjangkan) manakala

Mad ialah memanjangkan suara semasa menyebut huruf-hurufnya tanpa memanjangkan makhrajnya.

3.4.1.2 Sifat Kuat, Lemah Dan Sederhana

Sifat-sifat huruf juga dapat dibahagikan pula kepada sifat kuat, lemah dan sederhana.

a) Huruf-huruf kuat

Ia merangkumi 11 sifat iaitu: jahar (جهر), syiddah (شدة), isti'la' (استعلاء), iṭbāq

(تكرير), inḥirāf (إنحراف), qalqalat (قلقلة), ṣafīr (صفير), (إطباق)

tafasysyi (نفشي), istiṭālah (استطالة) dan ismāt (إصمات).

b) Lemah

Ia merangkumi 6 sifat iaitu: hamas (همس), rakhāwat (رخاوة), istifāl (إستفال), infitāh (إنفتاح), līn (لين) dan izlāq (إزلاق).

c) Sederhana:

Ia merangkumi 3 sifat iaitu: izlāq, ismāt dan tawassuṭ (توسط)

Untuk mengukur sama ada sesuatu huruf itu kuat atau lemah maka hendaklah dengan cara berikut:

- i) Jika sesuatu huruf itu lebih banyak sifat-sifat kuatnya daripada sifat-sifat lemahnya, maka huruf itu dikira kuat.
- ii) Jika sesuatu huruf itu lebih banyak sifat-sifat lemahnya daripada sifat-sifat kuatnya, maka huruf itu dikira lemah.
- iii) Jika sesuatu huruf itu sama banyak sifat-sifat kuat dengan sifat-sifat lemahnya, maka huruf itu dikira sederhana.
- iv) Jika sesuatu huruf itu sifat-sifat kuatnya tersangat banyak lebih daripada sifat-sifat lemahnya, maka huruf itu dikira sangat kuat dan demikianlah sebaliknya jika sifat-sifat lemahnya tersangat banyak lebih daripada sifat-sifat kuatnya, maka huruf itu dikira sangat lemah.

Hasil daripada ukuran di atas secara kasarnya dapat kita kemukakan beberapa huruf yang mempunyai kumpulan sifat-sifat berikut:

a) Sangat kuat iaitu huruf ط (tersangat kuat sekali), ظ, ض, ق.

b) Kuat iaitu huruf ا, ج, د, ص, غ, ء.

c) Sederhana iaitu huruf ب, ر, ز, غ.

d) Lemah iaitu huruf ت, ه, خ, ذ, س, ش, ك, و, ي.

e) Sangat lemah iaitu huruf ث, ل, م, ن, ح, ف (sangat lemah).

Untuk memberi perbezaan jelas, terutama di antara huruf-huruf yang mempunyai persamaan makhrajnya dan demi untuk memelihara identiti al-Qur'ān al-Karīm serta melahirkan faṣāhat di dalam bacaannya, maka setiap huruf hendaklah dibaca menurut sifat-sifatnya, sama ada sangat kuat, kuat sederhana, lemah atau sangat lemah.

3.4.2 Sifat-sifat Penyesuaian (محارضة)

Sifat penyesuaian ialah sifat-sifat huruf yang berpindah atau di sesuaikan dengan sifat-sifat yang lain kerana adanya pertemuan dengan huruf-huruf tertentu semasa idghām, ikhfa', iqlāb dan sebagainya. Sifat-sifat penyesuaian termasuklah:

3.4.2.1 Hukum Mad

Huruf yang memanjangkan bacaan termasuklah huruf Alif sakin yang didahului oleh huruf berbaris fathat, wau sakin yang didahului oleh huruf berbaris jammat, Ya' sakin yang didahului oleh huruf berbaris kasrat. Huruf-huruf yang menghubungkan salah satu daripada huruf-huruf di atas hendaklah dimadkan bacaannya menurut kadar-kadar tertentu.

Ukuran panjang bacaan dikira menurut gerakan jari atau harakat. Satu gerakan jari dikira satu harakat, manakala dua harakat adalah dikira satu alif. Satu Alif disebut qaṣar (pendek); dua Alif (4 harakat) disebut tawassuṭ (sederhana); manakala tiga Alif disebut mad (panjang).

Pembahagian Mad

Mad dapat dibahagikan kepada dua bahagian yang besar iaitu: Mad Aṣlī (mad asas) dan Mad Far'iy (mad cabangan).

i) Mad Aṣlī (mad asas)

Mad Aṣlī ialah mad yang asal wujudnya bagi huruf-huruf Mad di atas seperti:

قَالَ, يَقُولُ, قِيلَ. Ketiga-tiganya dibacakan sepanjang dua harakat sama ada ketika

bacaan waṣal atau waqaf. Bacaan kurang daripada dua harakat dikira sebagai satu kesalahan (haram). Mad ini dinamakan Mad Aṣlī kerana huruf-hurufnya adalah

teripada asal kalimah (akar kata) . Mad ini dinamakan juga Mad Ṭabī'iy kerana kebanyakan pembaca yang cemerlang tidak memendekkan mad tersebut kurang daripada dua harakat dan tidak pula melebihi kadar itu, malah sepanjang dua harakat ialah yang menjadi tabiat mereka. Mad ini juga dinamakan Mad Dhātī kerana mad ini memang terdiri daripada dhat huruf mad itu sendiri.

) Mad Far'iy (Mad Cabang)

Mana-mana Mad yang kadar pemanjangannya melebihi Mad Ṭabī'iy termasuk di dalam kumpulan Mad Far'iy. Mad Far'iy mempunyai 13 jenis iaitu:

) *Mad Wājib Muttaṣil (berhubung)*

Apabila salah satu huruf mad berangkai atau berhubung dengan hamzah dalam satu perkataan, wajiblah ia dimadkan sekadar 5 harakat seperti: سَيِّءٌ، سَوَاءٌ،

جَاءَ . Para qāri telah sepakat tentang wajib memadkannya lebih daripada Mad Ṭabī'iy. Kadarnya tidak kurang daripada 3 harakat (1 ½ alif) dan tidak lebih daripada 6 harakat (3 alif); tetapi menurut bacaan Hafas dipanjangkan kadar 4 atau 5 harakat.

2) *Mad Jā'iz Munfaṣil (bercerai)*

Apabila salah satu huruf mad itu bertemu dengan hamzah dalam dua patah perkataan maka ia adalah harus (jā'iz) dibacakan dengan salah satu sifat-sifat di bawah ini:

i) Harus diqas'arkan iaitu dibaca sepanjang dua harakat (seperti Mad Ṭabī'iy)

ii) Harus dimadkan iaitu dibaca sepanjang Mad Wājib Muttaṣil. Contohnya seperti: يَا أَيُّهَا النَّاسُ، قُوا أَنْفُسَكُمْ، فِي أَنْفُسِكُمْ sekiranya dibaca waṣal

(sambung). Sekiranya berhenti pada huruf mad itu, maka hendaklah ia dimadṭabī'ikan sahaja seperti pada بِمَا أَنْزَلَ، قَالُوا آمَنَّا. Jadi, mad jā'iz

munfaṣil ini tidak harus dikurangkan daripada 2 harakat dan tidak lebih daripada 6 harakat (3 alif).

3) *Mad 'Āriḍ (mendatang)*

Mad 'Āriḍ atau mendatang ialah mad yang wujudnya kerana waqaf (mematikan huruf akhir) pada mana-mana ayat sama ada di hujung ayat atau di tengahnya. Wujudnya mad ini adalah dengan syarat Alif yang mati itu didahului baris di atas seperti: الْفَسَادُ , Ya ' mati didahului baris bawah seperti: الرَّحِيمُ dan Wau

mati didahului baris hadapan seperti: يَقُولُ .. Ia harus dibaca dengan diqas'arkan dua

harakat atau dimadkan (6 harakat). Contohnya: فَارْهَبُونَ، الرَّحِيمُ، الْقُرْآنُ bolehlah

dibacakan dengan salah satu cara berikut:

- i) pendek (2 harakat)
- ii) sederhana (4 harakat)
- iii) panjang (6 harakat). Inilah yang lebih sempurna dan utama.

Ketiga-tiga cara ini ialah dengan mematikan huruf akhir (tanpa raum dan isymām).

- iv) pendek serta raum: Raum ialah menyatakan huruf yang akhir iatu kadar setengah atau sepertiga harakat dengan baris tertentu (di bawah atau di hadapan) tanpa mematikannya. Panjangnya tidak lebih daripada 2 harakat. Jika berbaris di hadapan seperti perkataan:

نَسْتَعِينُ، رَسُولُ، وَالرَّيْحَانُ maka bolehlah dibacakan dengan salah satu

cara ini:

- i) Pendek serta mematikan huruf terakhir.
- ii) Sederhana serta mematikan huruf terakhir.
- iii) Panjang serta mematikan huruf terakhir.
- iv) Pendek serta isymām.
- v) Sederhana serta isymām.
- vi) Panjang serta isymām.
- vii) Pendek serta raum.

Isymām ialah membulatkan dua bibir mulut sesudah putus suara (tanpa bersuara) kerana mematikan huruf yang berbaris di hadapan sebagai mengisyaratkan kepada baris tersebut.

4) *Mad Līn:*

Līn ialah dua huruf iaitu Wau dan Ya' yang mati dan sebelumnya huruf berbaris di atas seperti: **خَوْفٌ, بَيْتٌ**. Jadi huruf-huruf tersebut hendaklah dimadkan.

Hukum dan sifatnya seperti mad 'Āriḍ melainkan kadar panjang dan sederhananya dikurangkan sedikit. Para qurā' telah sepakat menetapkan bahawa semasa bacaan sambung (waṣal), Mad Līn dan Mad 'Āriḍ adalah dipendekkan. Jika pada suatu tempat terdapat mad Līn berpasangan dengan Mad 'Āriḍ, maka hukumnya seperti berikut:

- i) Jika Mad ini mendahului Mad 'Āriḍ seperti: **لَا رَيْبَ...لِلْمُتَّقِينَ** maka bolehlah dibacakan dengan memilih pasangan sifat berikut:

لَا رَيْبَ (Mad Līn)	لِلْمُتَّقِينَ (Mad 'Ārid)
a) pendek - 2	a) pendek/ sederhana/ panjang-2/4/6
b) sederhana - 4	b) sederhana/ panjang-4/6.
c) panjang - 6	c) panjang - 6

ii) Jika Mad 'Ārid mendahului Mad Līn seperti: بِالْمُتَّقِينَ... بِالْغَيْبِ maka

bolehlah dibacakan dengan memilih pasangan seperti berikut:

لَا رَيْبَ (Mad Līn)	لِلْمُتَّقِينَ (Mad 'Ārid)
a) pendek - 2	pendek - 2 harakat
b) sederhana -4	sederhana/pendek- 2/4
c) panjang - 6	panjang/sederhana/pendek-2/4/6

5) Mad Badal (Tukar)

Apabila huruf mad bertemu dengan hamzah pada satu perkataan seperti: أَأَدَمَ

maka hamzah itu hendaklah digantikan dengan alif menjadi: آدَمَ

6) *Mad 'Iwaq (Ganti)*

